



BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Kesimpulan

Merujuk kepada pembentangan, perbahasan dan perbincangan yang telah dipaparkan di dalam bab-bab yang lalu, maka bolehlah disimpul dan dirumuskan kepada tiga perkara iaitu :

(1) Hukum penggunaan *tadhkīr* dan *ta'nīth* kata kerja dengan pelaku terbahagi kepada tiga jenis seperti berikut :

(a) Wajib *tadhkīr* kata kerja jika pelakunya ialah :

1- Kata nama *mudhakkār*

2- Kata nama *mu'annath* nyata yang dipisahkan daripada kata kerja dengan partikel *illā* berdasarkan pandangan kebanyakan ulama nahu, namun ada di kalangan ulama yang mengharuskan penggunaan *ta'nīth*.

(b) Wajib *ta'nīth* kata kerja jika pelakunya ialah :

1 - *Mu'annath haqīqiy*, nyata dan bersambung dengan kata kerja.

2 - Kata gantinama tersembunyi bagi *mu'annath haqīqiy* atau *majāziy*.

3 - Kata gantinama tersembunyi bagi *jam^c mu'annath sālim*, *jam^c taksīr mu'annath* dan *jam^c taksīr mudhakkār* tidak berakal.

- (c) Harus tadhkīr atau ta'nīth kata kerja jika pelakunya ialah :
- 1- Mu'annath majāziy dan nyata (bukan kata gantinama).
 - 2- Mu'annath haqīqiy yang dipisahkan daripada kata kerja dengan perkataan selain daripada partikel illā .
 - 3- Kata gantinama bebas bagi mu'annath.
 - 4- Mu'annath nyata bagi kata kerja ni^oma dan bi'sa.
 - 5- Kata nama mudhakkar yang dijam^okan dengan alif dan tā'.
 - 6- Jam^o taksīr bagi mu'annath dan mudhakkar, manakala jam^o mudhakkar sālim dan jam^o mu'annath sālim para ulama nahu berselisih pendapat . Ulama nahu aliran Basrah mewajibkan tadhkīr pada jam^o mudhakkar sālim dan ta'nīth pada jam^o mu'annath sālim,. Ulama nahu aliran Kufah mengharuskan tadhkīr serta ta'nīth pada kedua-duanya.
 - 7- Mulḥaq jam^o mudhakkar sālim atau jam^o mu'annath sālim.
 - 8- Kata nama mudhakkar yang muḍāf(disandarkan) kepada mu'annath.
 - 9- Ism jam^o .
 - 10- Ism al-jins al-jam^oiy.

(2) Dapatan disertasi ini ialah seperti berikut :

(a) Enam kata kerja yang pelakunya adalah mu'annath majāziy iaitu :

1- Kata kerja (أُخَذَ) dan (أُخِذَتْ), pelakunya ialah (الصَّيْحَةُ).

2- Kata kerja (جَاءَ) dan (جَاءَتْ), pelakunya ialah (مَوْعِظَةٌ).

3- Kata kerja (جَاءَ) dan (جَاءَتْ), pelakunya ialah (البَيِّنَةُ).

4- Kata kerja (حَقَّ) dan (حَقَّتْ), pelakunya ialah (الضَّلَالَةُ).

5- Kata kerja (حَقَّ) dan (حَقَّتْ), pelakunya ialah (كَلِمَةٌ).

6- Kata kerja (أَعْجَبَ) dan (أَعْجَبَتْ), pelakunya ialah (كَثْرَةٌ).

(b) Satu kata kerja yang pelakunya adalah jam^o taksīr iaitu :

1- Kata kerja (جَاءَ) dan (جَاءَتْ), pelakunya ialah (رُسُلٌ).

(c) Satu kata kerja yang pelakunya adalah jam^o mu'annath sālim iaitu :

1- Kata kerja (جَاءَ) dan (جَاءَتْ), pelakunya ialah (البَيِّنَاتُ).

(d) Satu kata kerja yang pelakunya adalah ism jam^o iaitu :

1- Kata kerja (كَذَبَ) dan (كَذَبَتْ), pelakunya ialah (قَوْمٌ).

(3) Sebab-sebab penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja untuk pelaku mu'annath yang sama boleh disimpulkan seperti berikut :

- (a) Kata kerja (أَخَذَ) dan (أَخَذَتْ) dengan pelakunya perkataan (الصَّيْحَةُ).
- 1- Perkataan (الصَّيْحَةُ) adalah mu'annath majāziy, jadi ta'nīthnya tidak haqīqiy.
 - 2- Terdapat pemisah di antara kata kerja dan pelaku iaitu ayat (التَّيْنُ ظَلَمُوا).
 - 3- Perkataan (الصَّيْحَةُ) ditakwilkan dengan makna (صِيَّاحٌ) untuk penggunaan tadhkīr.
 - 4- Perkataan (الصَّيْحَةُ) ditakwilkan dengan makna (العَذَابُ) atau (الْحَزِي) untuk penggunaan tadhkīr.
 - 5- Perkataan (الصَّيْحَةُ) mempunyai dua makna yang pertamanya ialah kata nama sumber (المَصْدَرُ) dengan makna (صِيَّاحٌ) yang sesuai digunakan secara tadhkīr manakala makna yang keduanya pula ialah satu daripada kata nama sumber (الْوَالِدَةُ مِنَ الْمَصْدَرِ) yang sesuai digunakan secara ta'nīth.
 - 6- Penggunaan kata kerja secara tadhkīr (أَخَذَ) kerana konteks ayat adalah mudhtakkar manakala penggunaan kata kerja secara ta'nīth (أَخَذَتْ) kerana konteks ayat adalah mu'annath.

(b) Kata kerja (جَاءَ) dan (جَاءَتْ) dengan pelakunya perkataan (مَوْعِظَةٌ).

1- Perkataan (مَوْعِظَةٌ) adalah mu'annath majāziy .

2- Terdapat pemisah di antara kata kerja dan pelaku iaitu kata gantinama (هُ) dan (كُم).

3- Perkataan (مَوْعِظَةٌ) ditakwilkan dengan makna (وَعِظٌ) untuk penggunaan tadhkīr .

4- Perkataan (مَوْعِظَةٌ) ditakwilkan dengan makna (الْبَيَانُ) untuk penggunaan tadhkīr .

5- Perkataan (مَوْعِظَةٌ) ditakwilkan dengan makna (المَوْعِظَةُ الْحَسَنَةُ) untuk penggunaan ta'nīth .

6- Penggunaan kata kerja secara tadhkīr (جَاءَ) kerana konteks ayat adalah mudhakkar manakala penggunaan kata kerja secara ta'nīth (جَاءَتْ) kerana konteks ayat adalah mu'annath.

(c) Kata kerja (جَاءَ) dan (جَاءَتْ) dengan pelakunya perkataan (الْبَيِّنَةُ).

1- Perkataan (الْبَيِّنَةُ) adalah mu'annath majāziy .

2- Terdapat pemisah di antara kata kerja dan pelaku iaitu kata gantinama (هُم) dan (كُم).

3- Perkataan (الْبَيِّنَةُ) ditakwilkan dengan makna (الْكِتَابُ) atau (الْقُرْآنُ) untuk penggunaan tadhkīr .

4- Perkataan (الْبَيِّنَةُ) bermakna (مُعْجَزَةٌ), (آيَةٌ), (نَاقَةٌ), (عَلَامَةٌ) atau (حُجَّةٌ) untuk penggunaan ta'nīth .

5- Penggunaan kata kerja secara tadhkīr (جَاءَ) kerana konteks ayat adalah mudhakkar manakala penggunaan kata kerja secara ta'nīth (جَاءَتْ) kerana konteks ayat adalah mu'annath.

(d) Kata kerja (حَقَّ) dan (حَقَّتْ) dengan pelakunya perkataan (الضَّلَالَةُ).

1- Perkataan (الضَّلَالَةُ) adalah mu'annath majāziy.

2- Terdapat pemisah di antara kata kerja dan pelaku iaitu partikel jar dan kata gantinama (عَلَيْهِمْ) dan (عَلَيْهِ).

3- Bilangan huruf pemisah yang banyak sesuai untuk penggunaan tadhkīr dan bilangan huruf pemisah yang sedikit untuk penggunaan ta'nīth.

4- Perkataan (الضَّلَالَةُ) bermaksud kesesatan merujuk kepada perkataan (فَرِيقًا) untuk penggunaan tadhkīr.

5- Partikel jar (مِنْ) sebelum perkataan (الضَّلَالَةُ) merujuk kepada perkataan (أُمَّةً) untuk penggunaan ta'nīth.

(e) Kata kerja (حَقَّ) dan (حَقَّتْ) dengan pelakunya perkataan (الْكَلِمَةُ).

1- Perkataan (الْكَلِمَةُ) adalah mu'annath majāziy.

2- Terdapat pemisah di antara kata kerja dan pelaku iaitu partikel jar dan kata gantinama (عَلَيْهِمْ) dan (عَلَيْهِ).

3- Perkataan (الْكَلِمَةُ) ditakwilkan dengan makna (العَذَابُ) untuk penggunaan tadhkīr.

4- Perkataan (الْكَلِمَةُ) ditakwilkan dengan makna (كِتَابَةٌ) atau (كَلِمَةٌ) untuk penggunaan ta'nīth .

5. Penggunaan ta'nīth kata kerja kerana konteks ayat adalah mu'annath

(f) Kata kerja (أَعْجَبَ) dan (أَعْجَبْتِ) dan pelakunya perkataan (كَثْرَةٌ).

1- Perkataan (كَثْرَةٌ) adalah mu'annath majāziy .

2- Terdapat pemisah di antara kata kerja dan pelaku iaitu kata gantinama (كُ) dan (كُمْ).

3- Penggunaan kata kerja secara tadhkīr (أَعْجَبَ) kerana konteks ayat adalah mudhakkar manakala penggunaan kata kerja secara ta'nīth (أَعْجَبْتِ) kerana konteks ayat adalah mu'annath.

(g) Kata kerja (جَاءَ) dan (جَاءَتْ) dan pelakunya perkataan (رُسُلٌ).

1- Perkataan (رُسُلٌ) adalah jam^c taksīr (ta'nīthnya tidak haqīqiy) .

2- Terdapat pemisah di antara kata kerja dan pelaku iaitu kata gantinama (هُمْ) dan (كُمْ).

3- Penggunaan tadhkīr (جَاءَ) berdasarkan makna (الْجَمْعُ).

4- Penggunaan ta'nīth (جَاءَتْ) berdasarkan makna (الْجَمَاعَةُ).

5- Penggunaan kata kerja secara tadhkīr (جَاءَ) kerana konteks ayat adalah mudhakkar manakala penggunaan kata kerja secara ta'nīth (جَاءَتْ) kerana konteks ayat adalah mu'annath.

(h) Kata kerja (جَاءَ) dan (جَاءَتْ), pelakunya ialah (الْبَيْنَاتُ).

1- Perkataan (الْبَيْنَاتُ) adalah jam^o mu'annath sālim (ta'nīthnya tidak haqīqiy).

2- Terdapat pemisah di antara kata kerja dan pelaku iaitu kata gantinama (هُمْ) dan (كُمْ).

3- Penggunaan tadhkīr kerana konteks ayat adalah mudhakkar.

4- Perkataan (الْبَيْنَاتُ) membawa maksud (الْكِتَابُ) atau (الْإِسْلَامُ) untuk penggunaan tadhkīr.

(i) Kata kerja (كَذَبَ) dan (كَذَبَتْ) dan pelakunya perkataan (قَوْمٌ).

1- Perkataan (قَوْمٌ) adalah ism jam^o (ta'nīthnya tidak haqīqiy).

2- Terdapat pemisah di antara kata kerja dan pelaku iaitu partikel jar dan kata gantinama (بِهِ) pada ayat tadhkīr.

3. Penggunaan tadhkīr kerana konteks ayat adalah mudhakkar.

4- Penggunaan tadhkīr (كَذَبَ) berdasarkan makna (الْجَمْعُ).

5- Penggunaan ta'nīth (كَذَبَتْ) berdasarkan makna (الْجَمَاعَةُ).

Secara keseluruhannya, terdapat lima sebab utama yang mengharuskan penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja pada ayat-ayat di atas iaitu :

- (1) Ta'nīth perkataan yang menjadi pelaku sesuatu kata kerja adalah tidak haqīqiy sama ada mu'annath al-majāziy, jam^c taksīr, jam^c mu'annath sālim atau ism jam^c.
- (2) Terdapatnya pemisah di antara pelaku dan kata kerja .
- (3) Perkataan yang menjadi pelaku ditakwilkan dengan perkataan mudhakkār atau mu'annath.
- (4) Aspek makna perkataan yang menjadi pelaku sama ada mudhakkār atau mu'annath.
- (5) Konteks ayat sama ada mudhakkār atau mu'annath.

Ketiga-tiga sebab yang pertama ini kebiasaannya menjadi alasan para ulama nahu tentang keharusan penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kerja- kata kerja, walaupun demikian pada pandangan penulis ketiga-tiga sebab tersebut tidak dapat memberikan jawapan yang memuaskan terhadap persoalan yang diketengahkan dalam disertasi ini.

Oleh itu, penulis berpendapat bahawa dua sebab yang terakhir (keempat dan kelima) merupakan jawapan penyempurnaan dan pelengkap kepada tiga sebab yang pertama. Di samping itu ia mampu memberikan kepuasan serta keselesaan dalam menjawab persoalan dan permasalahan yang timbul berkaitan tajuk tadhkīr dan ta'nīth kata kerja untuk pelaku mu'annath yang sama di dalam Al-Quran.

5.1 Cadangan

Dengan bertatarbelakangkan maklumat-maklumat dan dapatan-dapatan semasa membuat rujukan sepanjang penulisan disertasi ini, penulis ingin merakamkan beberapa cadangan kepada para pengkaji, pendidik dan pelajar.

(a) Pengkaji

Sebenarnya tajuk penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja di dalam Al-Quran amat luas jangkauan perbahasannya. Terdapat beberapa persoalan di dalam tajuk penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja yang boleh menjadi fokus kajian para pengkaji pada masa akan datang dan di antaranya ialah :

- 1- Penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja kāna (كَان) dengan pelakunya kata nama kāna (اِسْمٌ كَان).

Banyak terdapat di dalam Al-Quran penggunaan kata kerja (كَان) secara tadhkīr dan ta'nīth dengan kata namanya yang sama atau berbeza contohnya penggunaan (كَان) dan (كَاتَتْ) dengan kata namanya iaitu perkataan (اُسْوَةٌ).

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Mumtaḥanah ayat 4 :

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِيهِمْ اُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Terjemahannya : "Demi sesungguhnya ! adalah bagi kamu (pada bawaan Nabi Ibrāhīm dan pengikut-pengikutnya itu) contoh ikutan yang baik"

Firman Allah s.w.t lagi dalam surah al-Mumtaḥanah ayat 6 :

قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Terjemahannya : "Demi sesungguhnya ! adalah bagi kamu (pada bawaan Nabi Ibrāhīm dan pengikut-pengikutnya itu) contoh ikutan yang baik"

2- Penggunaan tadhkīr dan ta'nīth dua kata kerja yang berbeza kata akarnya dengan pelaku atau pelaku ganti yang sama.

Para pengkaji boleh membuat kajian di dalam Al-Quran mengenai penggunaan tadhkīr dan ta'nīth dua kata kerja yang berbeza kata akar tetapi pelakunya atau pelaku gantinya adalah sama, contohnya kata kerja (سَجَدَ) dan (نَادَتْ) dengan pelakunya iaitu perkataan (الْمَلَائِكَةُ).

Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Hijr ayat 30 :

فَسَجَدَ الْمَلَائِكَةُ كُلُّهُمْ أَجْمَعُونَ

Terjemahannya : "maka sujudlah sekalian malaikat".

Firman Allah s.w.t dalam surah āl-ʿImrān ayat 3 :

فَنَادَتْهُ الْمَلَائِكَةُ قَائِمًا يُصَلِّي

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYA

Terjemahannya : "Lalu ia diseru oleh malaikat sedang ia berdiri sembahyang".

3- Penggunaan tadhkīr dan ta'nīth dalam kata nama.

Penulis di dalam disertasi ini hanya mengkaji persoalan penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja kala lampau sahaja, oleh itu para pengkaji lain boleh meneroka persoalan penggunaan tadhkīr dan ta'nīth dalam kata nama. Ini memandangkan tajuk di atas amat menarik jika dikaji daripada aspek sintaksis dan retorik seperti perkataan (نَخَلٌ) dalam dua potong ayat Al-Quran iaitu :

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Qamar ayat 20 :

تَشْرِعُ النَّاسَ كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ مُنْقَعِرٍ

Terjemahannya : "Yang menumbangkan manusia, seolah – olah mereka seperti pohon kurma yang terbongkar".

Firman Allah lagi dalam surah al-Hāqqah ayat 7 :

فُتْرَى الْقَوْمَ فِيهَا صَرَعى كَأَنَّهُمْ أَعْجَازُ نَخْلٍ خَاوِيَةٍ

Terjemahannya : "Kerana itu, engkau lihat kaum itu terbaring di sana, bagai pohon – pohon kurma yang sudah tumbang".

(b) Pendidik

Penulis mencadangkan kepada warga pendidik supaya mendedahkan kepada para pelajar terutamanya pelajar menengah atas dan universiti tajuk penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja dengan pelaku secara lebih terperinci berbanding dengan apa yang ada dalam sukatan pelajaran Bahasa Arab sekarang ini.

Walaupun begitu tajuk ini perlu diajarkan selepas para pelajar memahami tajuk pelaku terlebih dahulu. Pendekatan awal untuk memahamkan pelajar tentang konsep penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja dan pelaku boleh dilakukan dengan kaedah perbandingan antara dua bahasa.

Seterusnya di dalam pengajaran dan pembelajaran karangan, para pendidik boleh mengaplikasikan tajuk hukum penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja dengan pelaku. Golongan pendidik disarankan bersikap anjal atau fleksibel ketika membetulkan kesilapan pelajar terutamanya jika kesilapan itu berlaku dalam lingkungan penggunaan kata kerja secara harus tadhkīr atau ta'nīth.

(c) Pelajar

Tajuk penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja sesuai dipelajari oleh pelajar sekolah menengah atas dan mahasiswa universiti. Memandangkan fenomena penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja dengan pelaku tidak terdapat di dalam bahasa ibunda, oleh itu para pelajar mestilah bersungguh-sungguh mempelajari, memahami dan memahirkkan diri dengan tajuk ini melalui kaedah banyak membuat latih tubi atau menulis karangan.